

## **PERANAN KOMUNIKASI EFEKTIF DALAM KALANGAN PELAJAR AGROINDUSTRI TERNAKAN POLTRI DI KOLEJ VOKASIONAL (PERTANIAN) CHENOR**

**[THE ROLE OF EFFECTIVE COMMUNICATION AMONG AGRO-INDUSTRY POULTRY STUDENTS AT VOCATIONAL COLLEGE (AGRICULTURE) CHENOR]**

MUHAMMAD AINOL JUFRI FADZLI<sup>1</sup>, MOHD AMIRUL HUSSAIN<sup>2\*</sup>, MOHD NAZRI ABDUL RAJI<sup>3</sup>,  
MOHD YUSOF KAMARUZAMAN<sup>4</sup>, ZALIZA HANAPI<sup>5</sup>, ABU BAKAR MAMAT<sup>6</sup>,  
AZIZUL QAYYUM BASRI<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia, MALAYSIA.  
E-mail: ajfadzz@gmail.com; amirul.hussain@ftv.upsi.edu.my; mohd.nazri@ftv.upsi.edu.my; yusof.kamar@ftv.upsi.edu.my; zaiza.hanapi@ftv.upsi.edu.my; abubakar.m@ftv.upsi.edu.my; qayyumb@ftv.upsi.edu.my

Corresponding author: amirul.hussain@ftv.upsi.edu.my

Received: 20 January 2025 | Accepted: 20 February 2025 | Published: 30 March 2025

**Abstrak:** Komunikasi adalah proses penyampaian maklumat, perasaan, idea, dan fikiran antara individu. Dari segi etimologi, perkataan "komunikasi" berasal daripada bahasa Latin, iaitu "cum" yang bermaksud "dengan" dan "umus" yang bermaksud "satu." Tanpa komunikasi yang efektif, salah tafsir maklumat boleh berlaku, membawa kepada perselisihan faham. Masalah ini kerap berlaku dalam kalangan pelajar, membatasi pergaulan dan proses pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan komunikasi efektif dalam kalangan pelajar Agroindustri Ternakan Poltri di Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor, serta mencadangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah komunikasi. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual, dengan analisis data menggunakan perisian tematik. Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada pemahaman mengenai peranan komunikasi berkesan dalam kalangan pelajar, serta menyarankan langkah-langkah untuk memperkuuh komunikasi di Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor. Hasil kajian ini juga dapat membantu institusi dalam meningkatkan amalan komunikasi antara pelajar dan pensyarah.

**Kata kunci:** Komunikasi efektif, Agroindustri Ternakan Poltri, Kolej Vokasional Chenor, Masalah komunikasi pelajar.

**Abstract:** Communication is the process of conveying information, emotions, ideas, and thoughts between individuals. Etymologically, the word "communication" originates from the Latin terms "cum," meaning "with" or "together," and "umus," meaning "one." Without effective communication, misinterpretations can arise, leading to misunderstandings and conflicts. This issue often occurs among students, limiting their social interactions and hindering the learning process. This study aims to identify the role of effective communication among Agro-Industry Poultry students at the Vocational College (Agriculture) Chenor, and to propose strategies for addressing communication challenges. The research employs a qualitative approach, utilizing interviews for data collection, and the data is analyzed using thematic software. This study makes a significant contribution to understanding the

*role of effective communication among students and provides recommendations for improving communication practices at KV Chenor. The findings also offer valuable insights for the institution in enhancing communication between students and lecturers.*

**Keywords:** Effective communication, Agro-Industry Poultry, Kolej Vokasional Chenor, Student communication issues.

**Cite this article:** Muhammad Ainol Jufri Fadzli, Mohd Amirul Hussain, Mohd Nazri Abdul Raji, Mohd Yusof Kamaruzaman, Zaliza Hanapi, Abu Bakar Mamat, Azizul Qayyum Basri. 2025. Peranan Komunikasi Efektif dalam Kalangan Pelajar Agroindustri Ternakan Poltri di Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor [The Role of Effective Communication among Agro-Industry Poultry Students at Vocational College (Agriculture) Chenor]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 5(1), 15-22.

## PENGENALAN

Komunikasi merupakan elemen yang sangat penting dan perlu digunakan di dalam kehidupan seharian untuk berhubung dengan orang sekeliling. Dari komunikasilah wujudnya persefahaman dan tolak ansur. Tanpa komunikasi yang baik dan berkesan, pelbagai perkara negatif yang boleh timbul diantara satu sama lain seperti perselisihan pendapat dan seterusnya boleh mewujudkan pergaduhan, Ariffin dan Hariyati (2014). Dalam konteks pendidikan pula masalah yang berlaku iaitu masalah komunikasi dan interaksi yang wujud dalam kalangan guru dan pelajar disebabkan oleh masalah kemahiran komunikasi daripada guru sendiri. Guru yang mempunyai masalah komunikasi dengan pelajar boleh menyebabkan pengurusan bilik darjah yang tidak kondusif, Tumurun S W, Gusrayani D dan Jayadinata (2016). Bukan itu sahaja, masalah komunikasi di sekolah ini juga berlaku dalam kalangan pelajar TVET. Pelajar TVET ini mempunyai masalah komunikasi seperti pengucapan awam, pembentangan dan berada di khalayak ramai, Hamid, N. M., Effendi, M., dan Matore, E. M. (2022). Namun, masalah utama yang dihadapi oleh pelajar ini adalah kurangnya keyakinan diri untuk bercakap di khalayak ramai. Hal ini kerana pelajar ini mempunyai masalah komunikasi yang teruk. Menurut Mandel (2000), isu yang biasanya dihadapi oleh pelajar TVET ini dalam komunikasi adalah kurangnya keyakinan diri dan tekanan yang dihadapi secara psikologi dalam melakukan sesi pembentangan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan komunikasi efektif di dalam kalangan pelajar Agroindustri Ternakan Poltri Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor berlakunya masalah komunikasi dalam kalangan pelajar Agroindustri Ternakan Poltri Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor, mengenal pasti komunikasi efektif yang memainkan peranan penting dalam kalangan pelajar Agroindustri Ternakan Poltri Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor dan mencadangkan langkah mengatasi masalah komunikasi dalam kalangan pelajar Agroindustri Ternakan Poltri Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor.

## Teori Komunikasi

Menurut Muniarti, E. (2019), kajian ilmu komunikasi telah bermula pada abad ke-20 apabila Max Weber memperkenalkan ilmu pers atau ilmu penyebaran akhbar yang diklasifikasikannya sebagai satu cabang ilmu yang banyak dipengaruhi oleh teori sosial,

pendidikan sosial dan sosiologi. Seiring dengan perkembangan peradaban manusia, teori komunikasi terus berkembang dan menjadi rujukan utama dalam menangani cabaran hubungan sesama manusia. Proses komunikasi merangkumi komunikasi “*interpersonal communication, intrapersonal communication, group communication, organization communication, dan mass communication*” yang semuanya memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Menurut Kurniawan, D. (2018) dan Hussain et al. (2022), antara teori awal yang berpengaruh ialah model komunikasi Harold Lasswell (1948) yang menekankan lima elemen iaitu “Who” (siapa yang menyampaikan mesej), “Says what” (apa kandungan mesej), “In which channel” (saluran komunikasi yang digunakan), “To whom” (siapa penerima mesej), dan “With what effect” (kesan terhadap penerima), walaubagaimanapun model ini bersifat linear dan kurang mengambil kira maklum balas serta konteks sosial yang kompleks.. Oleh itu, pengkaji lain seperti Shannon dan Weaver (1949) memperkenalkan konsep gangguan (*noise*) dan aspek teknikal komunikasi, manakala Schramm (1954) menekankan kepentingan proses pengekodan dan penyahkodan mesej. Tambahan pula, Barnlund (1970) memperluaskan model komunikasi sebagai proses transaksional yang berlaku secara serentak dan berterusan dalam konteks sosial dan budaya. Pelbagai pendekatan ini menunjukkan bahawa teori komunikasi telah berkembang daripada model linear kepada model interaktif dan dinamik, selaras dengan keperluan komunikasi masa kini yang lebih kompleks dan pelbagai saluran, sekali gus memberikan asas teori yang kukuh untuk diaplikasikan dalam pelbagai konteks termasuklah dalam kajian penyelidikan berkaitan komunikasi masyarakat, pendidikan atau organisasi.

## Masalah Komunikasi


Murid yang mempunyai masalah komunikasi akan menyebabkannya mempunyai masalah untuk menunjukkan potensi dan kelebihan yang ada pada diri murid tersebut Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed (2014). . Berdasarkan kajian perkembangan kanak kanak, kanak kanak yang telah berumur 17 bulan dan mereka masih lagi mempunyai masalah untuk bertutur dengan baik maka kanak kanak tersebut mempunyai masalah kecacatan bahasa lisan. Hal ini kerana kanak kanak yang normal sudah mula bertutur pada umur 13 bulan (Abdullah bin Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed, 2014). Selain itu, dalam konteks pendidikan juga, komunikasi merupakan perkara yang amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Tanpa komunikasi yang berkesan makan proses pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dijalankan dengan sempurna (Awang M.H, Zakaria H.B; Abd Rahim R.A, 2012; Hussain, et al., 2024).

## Cara Mengatasi

Menurut Sari, A.W. (2016) dan Hussain M. A., Yunos, Ismail, Ariffin, & Ismail, (2020), cara mengatasi masalah komunikasi adalah dengan membiasakan diri menjadi seorang pendengar yang efektif seperti pendengar yang baik yang boleh memuaskan keperluan dasar manusia. Dalam konteks pendidikan, komunikasi yang baik diantara guru dan pelajar dapat membentuk sahsiah pelajar itu sendiri. Selain itu, guru juga perlu berperanan dalam

menggalakkan kemahiran komunikasi pelajar. Guru perlu mengawal perbualan dengan menggalakkan pembelajaran, menarik minat murid untuk belajar, memberikan perhatian, mengulang perkataan dan mempermudahkan komunikasi (Anderson, 2006 dalam jurnal Noor Aini Ahmad, Zamri Mahamod dan Zahara Aziz). Menurut Noor Aini Ahmad, Zamri Mahamod dan Zahara Aziz (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa guru perlu melaksanakan program stimulasi komunikasi untuk mendedahkan murid kepada kemahiran bahasa dan komunikasi yang baik iaitu guru perlu selalu mengajak murid berbual dengan menggunakan bahasa yang mudah untuk difahami.

## Kerangka Konseptual



Rajah 1: Kerangka Konseptual

## METODOLOGI KAJIAN

### Pendekatan Kajian

Menurut Chua Yan Piaw (2014), dalam penyelidikannya, beliau menyatakan bahawa hasil kajian ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian manakala reka bentuk kajian itu pula ditentukan oleh tujuan kajian. Pengkaji perlu menentukan reka bentuk kajian yang sesuai dengan kajian yang dijalankan dengan tujuan kajian yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian yang dipilih iaitu kajian kes. Kajian ini menggunakan jenis kaedah kualitatif iaitu pengumpulan data yang dibuat adalah secara temubual. Kajian kualitatif merupakan sebuah kajian yang menekankan makna untuk mengetahui tentang fenomena sosial dengan mengambil kira fakta yang relevan tanpa mengambil kira pandangan dan keanehan seseorang. Menurut Creswell (2008), kajian kualitatif merupakan sebuah kaedah kajian yang membenarkan pengkaji menjawab segala persoalan kajian berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan mengikut dapatan kajian.

### **Populasi, Sampel dan Instrumen kajian**

Populasi bagi kajian ini melibatkan guru yang mengajar subjek Agroindustri Ternakan Poltri Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor dan telah berkhidmat dan berpengalaman lebih dari lima tahun mengajar. Selain itu, kajian ini juga melibatkan pelajar Agroindustri Ternakan Poltri Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan soalan temubual sebagai alat dalam kajian ini. Jawapan berdasarkan soalan ini dianalisis sebagai dapatan kajian. Alat ini merupakan komponen yang menyokong maklumat yang diperoleh di dalam kajian ini.

### **Prosedur Pengumpulan Data**

Bagi menjawab soalan kajian ini, kaedah pengumpulan data telah dipilih iaitu melalui kaedah temu bual. Pengkaji menggunakan kaedah temubual untuk mengenal pasti punca yang berlaku bagi masalah komunikasi dalam kalangan pelajar mengikut kajian yang dijalankan. Selain itu, informan daripada guru juga digunakan untuk mengukuhkan lagi faktor permasalahan yang berlaku berkaitan dengan komunikasi dalam kalangan pelajar ini.

### **Prosedur Penganalisisan Data**

Menurut Othman Lebar (2018), pada umumnya, analisis data memerlukan penyelidik yang membentuk kategori dan membuat perbandingan. Penyelidik perlulah terbuka dengan sebarang kemungkinan yang bakal berlaku daripada data yang dianalisis serta peka kepada situasi yang bertentangan iaitu jawapan informan sama ada dari segi pandangan, pendapat dan kepercayaan terhadap sesuatu fenomena yang berlaku serta pengkaji juga perlu bersedia untuk memberikan penerangan alternatif dalam melaporkan data kajian. Proses penganalisisan data bergantung kepada persoalan, tujuan dan konteks kajian (Othman Lebar, 2018). Pengkaji perlu menganalisis data yang diperoleh semasa proses pengumpulan data dan selepas proses pengumpulan data.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil penelitian jawapan yang dijawab oleh informan menunjukkan bahawa punca yang paling ketara berlakunya masalah komunikasi dalam kalangan pelajar Agroindustri Ternakan Poltri ini adalah daripada kaedah pengajaran guru itu sendiri. Kebanyakan guru di Kolej Vokasional (Pertanian) Chenor masih lagi menggunakan kaedah pembelajaran yang berpusatkan guru. Hal ini turut disokong oleh Rudin, N.M dan Ali, S.R (2019) di mana beliau menyatakan bahawa kebanyakan guru di Malaysia masih lagi menggunakan kaedah pembelajaran secara tradisional iaitu kaedah pengajaran yang berpusatkan guru dan apa yang paling menyediakan lagi adalah kebanyakan guru masih lagi belum menguasai kreativiti dan pemikiran kritis dengan baik dalam pengajaran guru walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21 dan Revolusi Industri 4.0 dalam bidang pendidikan yang menggunakan teknologi sebagai alat bantu mengajar. Kaedah

pembelajaran yang berpusatkan guru ini mempunyai banyak kelemahan seperti wujudnya masalah komunikasi pelajar yang menjadi faktor utama kepada permasalahan kajian ini. Jika kaedah ini masih lagi dilakukan ia akan memberikan kesan yang buruk kepada pelajar seperti pelajar akan menjadi malas untuk meneroka ilmu yang berkaitan dengan pembelajaran dan hanya mengharapkan suapan ilmu daripada guru sahaja kerana beranggapan bahawa guru merupakan sumber utama maklumat untuk disampaikan (Sulaiman R.H.R dan Wahid, N.A, 2021).

Selain itu, komunikasi juga memerlukan aspek komunikasi yang efektif. Hasil penelitian berdasarkan jawapan yang dijawab oleh informan menunjukkan komunikasi yang efektif digunakan sebagai peneguhan di dalam kelas. Pelajar memerlukan komunikasi yang efektif bersama guru supaya dapat belajar dan mendengar arahan dengan jelas dan baik. Menurut Wisman, Y (2017), pendidik seharusnya mewujudkan komunikasi yang tepat dalam pembelajaran dan mewujudkan strategi pengajaran yang baik bagi meningkatkan aktiviti komunikasi dalam pendidikan. Komunikasi menjadi tidak efektif apabila terdapat perbezaan persepsi, terdapat reaksi yang emosional, komunikasi verbal dan non-verbal yang tidak konsisten, dan terdapat kecurigaan (Effendy, 2008 di dalam Wisman, Y, 2017). Komunikasi yang efektif adalah kemampuan komunikator untuk berkomunikasi dengan baik dengan komunikasinya. Kemampuan berkomunikasi dengan baik termasuklah kesanggupan, kecakapan yang baik dan kekuatan intonasi yang dilontarkan. Oleh itu, kewujudan komunikasi yang efektif di dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dititik beratkan supaya maklumat yang disampaikan oleh guru boleh diterima baik oleh semua pelajar.

Seterusnya, masalah komunikasi ini diatasi dengan mengubah kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar. Pengajaran yang berpusatkan pelajar adalah kaedah yang mengutamakan pelajar untuk melakukan aktiviti di dalam kelas seperti melakukan perbincangan secara berkumpulan di dalam kelas, mencari maklumat berkaitan dengan topik pembelajaran dan melakukan sesi pembentangan maklumat di dalam kelas. Hasil daripada penelitian, kebanyakan informan menyatakan kaedah ini paling sesuai bagi meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar. Menurut Sari, M (2016), kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar mempunyai banyak kelebihannya. Kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar ini dapat membentuk kematangan di dalam diri pelajar selain dapat melahirkan pelajar yang memiliki pemikiran yang berdaya tinggi melalui aktiviti yang dirancang ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Selain itu, kaedah ini juga mampu membina kemahiran sosial pelajar bagi mempersiapkan mereka sebelum menempuh alam pekerjaan seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan. Penggunaan teknik pembelajaran seperti simulasi, inkuiiri-penemuan, penyelesaian masalah dan pembelajaran koperatif. Intihannya, pembelajaran yang berpusatkan pelajar ini mampu melahirkan pelajar yang berani untuk ke hadapan dan menyuarakan pendapat seterusnya mampu berkomunikasi dengan baik tanpa rasa gugup dan malu.

## KESIMPULAN

Masalah komunikasi merupakan satu yang masalah yang tidak boleh dipandang remeh. Hal ini kerana komunikasi merupakan masalah yang besar jika tidak diselesaikan ketika

seseorang pelajar masih di bangku sekolah. Oleh hal yang demikian, guru perlulah mengambil tempat dan memainkan peranan bagi mengubah segala corak pembelajaran ke arah yang berpusatkan pelajar bagi membentuk kemahiran komunikasi di dalam kalangan pelajar tersebut. Corak pengajaran yang berpusatkan pelajar termasuklah dengan melibatkan murid menyertai segala aktiviti yang diadakan di dalam kelas seperti kerja berkumpulan dan pembentangan topik pembelajaran. Dengan ini, para pelajar dapat melatih untuk berkomunikasi di hadapan khalayak ramai. Selain itu, murid juga perlu mengikut arahan guru dengan menyertai aktiviti yang dirancang oleh guru di dalam kelas untuk melatih kemahiran berkomunikasi di dalam kelas.

Dalam setiap komunikasi, seseorang saling menyampaikan informasi yang terlahir daripada pemikiran, gagasan, maksud, perasaan dan emosi secara langsung. Mempunyai masalah dalam berkomunikasi perlu dibendung terutamanya pelajar supaya dapat belajar dengan baik. Hal ini kerana pembelajaran merupakan proses di mana ia merupakan sebuah lingkungan yang dikelola secara sengaja untuk memungkinkan ia turut serta dalam tingkah laku dan keadaan tertentu untuk mewujudkan sebuah respons di dalam situasi tertentu. Selain itu, komunikasi dalam pembelajaran juga penting untuk kelangsungan hidup untuk diri sendiri di mana ia melibatkan peningkatan kesedaran peribadi, penampilan diri sendiri terhadap orang lain dan mencapai cita-cita peribadi selain ia dapat menjalankan hubungan sosial yang baik dengan rakan rakan yang lain. Intihannya, masalah komunikasi perlu dibendung di dalam kalangan pelajar untuk melahirkan generasi yang berani untuk menonjolkan kelebihan dan bakat yang ada di dalam diri sendiri di samping berani untuk berkomunikasi dengan orang lain dengan petah dan baik.

## RUJUKAN

- Ariffin, H. (2014). Konflik perkahwinan masyarakat Melayu di Selangor: Kajian komunikasi keluarga. Dalam *International Conference on Islamic Business, Art, Culture & Communication (ICIBACC 2014)* (hlm. 58). Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri, Universiti Teknologi MARA Melaka.
- Awang, M. H., Zakaria, H. B., & Abd Rahim, R. A. (2012). Pendidikan Islam golongan masalah pendengaran: Tinjauan awal isu dan cabaran daripada perspektif guru. *Sains Humanika*, 58(1). <https://doi.org/10.11113/sh.v58n1.213>
- Barnlund, D. C. (1970). *A transactional model of communication*. In K. K. Sereno & C. D. Mortensen (Eds.), *Foundations of communication theory* (pp. 83–102). Harper & Row.
- Chua, Y. P. (2011). Kaedah penyelidikan (Vol. 1). McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd. <https://localcontent.library.uitm.edu.my/id/eprint/5493/>.
- Hussain, M. A., Yasir, A. S., Kamaruzaman, M. Y., Raji, M. N., Basri, A. Q., Hanapi, Z., & Yunos, M. Y. (2024). Impacts of Outdoor Landscape on Early Learning: Insights from the NCDRC Kindergarten at UPSI. *International Journal of Design & Nature and Ecodynamics*, 19(4), 1187-1194. doi:<https://doi.org/10.18280/ijdne.190409>

- Hussain, M. A., Yunos, M. Y., Ismail, N. A., Ariffin, N. F., Ismail, S., & Qianda, Z. (2022). Investigating the Challenges Faced in Designing Cultural Landscape at Pantai Lido Urban Waterfront, Johor Bahru, Malaysia. *GeoJournal of Tourism and Geosites*, 41(2), 376-386. doi:10.30892/gtg.41206-840
- Hussain, M. A., Yunos, M. Y., Ismail, N., Ariffin, N. F., & Ismail, S. (2020). A review of the elements of nature and the Malay cultural landscape through Malay literature. *Sustainability*, 12(6), 2154. doi: 10.3390/su12062154
- Kurniawan, D. (2018). Komunikasi Model Laswell Dan Stimulus-Organism-Response Dalam Mewujudkan Pembelajaran Menyenangkan. *Jurnal Komunikasi Pendidikan*, 2(1), 60-68. <https://journal.univetbantara.ac.id/index.php/komdik/article/viewFile/65/60>.
- Lasswell, H. D. (1948). The structure and function of communication in society. In L. Bryson (Ed.), *The communication of ideas* (pp. 37–51). Harper & Brothers.
- Othman Lebar. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mandel, S. (2000). *Presentation Skills : A Practical Guide to Better Speaking* (3rd ed.). Crisp Publications. <https://www.amazon.com/Effective-Presentation-Skills-Practical-Speaking/dp/156052202X>.
- Murniarti, E. (2019). *Sejarah komunikasi, pengaruh perkembangan teknologi komunikasi, sejarah perkembangan ilmu komunikasi dan teori-teori komunikasi* (Bahan Ajar). Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Kristen Indonesia. <http://repository.uki.ac.id/2907/1/BahanAjar32019.pdf>.
- Rusdin, N. M., & Ali, S. R. (2019, November). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. In *International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (pp. 87-105). <http://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>.
- Schramm, W. (1954). How communication works. In W. Schramm (Ed.), *The process and effects of mass communication* (pp. 3–26). University of Illinois Press.
- Shannon, C. E., & Weaver, W. (1949). *The mathematical theory of communication*. University of Illinois Press.
- Sulaiman, R. H. R., & Wahid, N. A. (2021). Faktor-faktor Kelemahan Pembelajaran Balaghah [Factors of Weaknesses in Learning Balaghah]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(2), 111-120. <https://myedujournal.com/index.php/ijcerhs/article/view/23>.
- Tumurun, S. W., Gusrayani, D., & Jayadinata, A. K. (2016). Pengaruh model pembelajaran discovery learning terhadap keterampilan berpikir kreatif siswa pada materi sifat-sifat cahaya. *Jurnal Pena Ilmiah*, 1(1), 101-110. <https://ejournal.upi.edu/index.php/penailmiah/article/view/2936>.
- Wisman, Y. (2017). Komunikasi efektif dalam dunia pendidikan. *Jurnal Nomosleca*, 3(2). <https://jurnal.unmer.ac.id/index.php/n/article/view/2039>